

CONFIRM RUGI KALAU TAK BACA


BAHAN BACAAN HADAPI SOALAN ESEI BAHAGIAN A PENDIDIKAN MORAL SPM KSSM 2021


KOMPILASI INI
UNTUK KEGUNAAN MURID-MURID
SMK METHODIST TELOK DATOK , BANTING
DAN EDARAN DALAMAN SAHAJA.



INISIATIF.....

**V.T. SURESH
GURU MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL**





Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Berdasarkan gambar di atas, bantuan sebegini dihulurkan kepada negara-negara lain yang memerlukan. Adakah perbuatan ini wajar?

Huraikan jawapan anda.

Wajar.

Negara kita mesti prihatin dan penyayang.

Kita dapat pupuk perpaduan di peringkat global

[2 markah]

- (b) Berikan **dua** contoh norma masyarakat global dari sudut pandangan ekonomi.

(i) pembelian tanpa tunai

(ii) transaksi dalam talian

(iii) Penerimaan mata wang yang standard

[2 markah]

- (c) Budaya hedonisme semakin menular dalam kalangan masyarakat.

Apakah yang anda faham dengan budaya hedonisme?

Hidup mesti seronok.

Amal pergaulan bebas, salahguna dadah dan berpelesenan

sehingga lewat malam.

[2 markah]

- (d) Berikan **dua** cara mengelakkan diri daripada budaya hedonisme.

(i) dalam ajaran agama.

(ii) pilih kawan baik yang positif

(iii) dengar nasihat orang tua

[2 markah]

- (e) Apakah kesan pengabaian norma masyarakat?

Bersikap individualistik.

Masyarakat tidak libatkan diri dalam aktiviti sosial.

[2 markah]

2 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan budaya hedonisme.

Pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan dan kesenangan hidup sahaja

(a) Berikan dua contoh budaya hedonisme.

- (i) Pergaulan bebas.
- (ii) Penyalahgunaan dadah.
- (iii) Berpelesiran sehingga lewat malam / lepak. [2 markah]
- (iv) Rempit / Lumba haram

(b) Terangkan cara pihak berikut membantu remaja mengelakkan diri daripada budaya hedonisme.

(i) Ibubapa

Ibubapa perlu beri didikan agama yang sempurna kepada anak-anak mereka.

Didikan agama bantu remaja miliki ketahanan diri yang kukuh serta dapat bezakan baik buruk dalam kehidupan. [2 markah]

(ii) Kerajaan

Kerajaan perlu kuatkuasa undang-undang dan kenakan tindakan keras kepada pengusaha pusat hiburan yang dianjurkan program hiburan melalaikan remaja. [2 markah]

(c) Gambar berikut berkaitan dengan bantuan kemanusiaan dalam premis mereka.



Apakah perasaan anda apabila berpeluang terlibat dalam aktiviti tersebut? Jelaskan.

Gembira.

Saya dapat membantu mengurangkan penderitaan yang dialami oleh golongan yang ditimpa musibah. [2 markah]

(d) Nyatakan dua kepentingan amalan norma tersebut kepada masyarakat global.

- (i) Dapat melahirkan masyarakat global yang lebih prihatin dan penyayang sesama manusia.
- (ii) Dapat mewujudkan perpaduan masyarakat global.

[2 markah]

3

Maklumat yang berikut berkaitan dengan budaya Hedonisme yang menular dalam masyarakat

HEDONISME

- Kamus Dewan mendefinisikan hedonisme sebagai 'pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan kesenangan hidup'
- Hiburan, suka ria, berpesta, konsert, gaya hidup seks bebas dan segalanya. Ikonnnya terdiri daripada golongan artis, pelakon, bintang sukan dan selebriti.



Budaya Hedonisme telah lama menjajah dan menghanyutkan pemikiran serta menghakis keunikan rakyat Malaysia yang sedia ada.

b) Adakah budaya Hedonisme ini akan merosakkan keunikan rakyat Malaysia? Jelaskan.

Ya..... Rakyat Malaysia akan terpengaruh dengan budaya negatif. Perkara ini akan menghakis budaya ketimuran rakyat Malaysia dan seterusnya akan cemarkan imej rakyat Malaysia.

(3 markah)


c) Jelaskan tindakan yang akan anda lakukan sekiranya mendapati rakan anda yang berlainan agama terjebak dengan budaya Hedonisme.

Saya akan menasihati rakan saya dengan baik.....
Saya akan berpesan kepada rakan supaya menjauhi budaya hedonisme.....
Saya akan menerangkan kesan buruk yang bakal menimpanya jika mengamalkan budaya hedonisme. (3 markah)

d) Sejauh manakah pengamalan nilai universal dapat mengelakkan diri seseorang daripada terjebak dengan budaya Hedonisme yang menggugat keunikan rakyat Malaysia?

- Nilai rasional.....
Rakyat Malaysia boleh berfikir tentang implikasi buruk budaya hedonisme dan menolaknya secara mutlak.
- Nilai kesederhanaan.....
Rakyat Malaysia akan bersikap tidak keterlaluan dengan menolak pergaulan bebas yang boleh mengundang ke arah maksiat dan insiden mengandung anak luar nikah. (4 markah)

4 Gambar dibawah menunjukkan perubahan norma masyarakat dalam aktiviti permainan.



a) Adakah perubahan aktiviti di atas sesuai dengan norma kehidupan masyarakat kini?
Jelaskan.

Ya, sesuai
Masyarakat perlu ubah seiring dengan arus pemodenan
dan mereka sudah biasa dengan penggunaan gajet.

[2 markah]

b) Senaraikan dua nama permainan tradisional.

- i. Congkak
- ii. Wau

[2 markah]

c) Nyatakan kebaikan permainan- permainan tradisional yang pernah dimainkan suatu ketika dahulu.

- i. Dapat mengukuhkan hubungan masyarakat berbilang kaum.
- ii. Menjadi kebanggaan aset budaya bangsa Malaysia.
- iii. Menjadi daya tarikan dalam industri pelancongan negara.


[3 markah]

d) Senaraikan tiga faktor pengabaian permainan tradisional oleh masyarakat kini.

- i. Pengaruh besar yang dibawa oleh permainan moden yang canggih.
- ii. Sibap masyarakat kini yang anggap permainan tradisional sudah ketinggalan zaman.
- iii. Semakin kurang jumlah aktivitis yang aktif memperjuangkan nasib permainan tradisional.

[3 markah]

5 Rajah 1 menunjukkan sebahagian amalan norma masyarakat di Malaysia.



Rajah 1

(a) Apakah perasaan anda setelah melihat rajah di atas?
Jelaskan.

Gembira.

Rakyat Malaysia berbilang kaum dapat sama-sama sertain aktiviti kemasyarakatan.
Aktiviti ini dapat eratkan perpaduan rakyat Malaysia

[2 markah]

(b) Jelaskan kebaikan amalan norma masyarakat dalam kehidupan seharian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

- (i) dapat jaga tahap kebersihan taman perumahan.....
- (ii) dapat hapuskan sarang pembiakan nyamuk.....
- (iii) dapat menjaga keselamatan taman perumahan dan pada jenayah seperti pecah rumah, penagihandadah dan sebagainya. [3 markah]
- (iv) dapat mewujudkan kerjasama antara kaum.

(c) Bincangkan kesan sekiranya masyarakat Malaysia mengabaikan norma masyarakat.

- (i) masyarakat bersikap individualistik.....
- (ii) masyarakat kurang beradab.....
- (iii) Hubungan sosial masyarakat terjejas.....
- (iv) Menjejaskan keharmonian masyarakat. [3 markah]

(d) Jelaskan dua langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengekalkan amalan norma masyarakat Malaysia.

- (i) menjalankan kempen kesedaran kepentingan semangat kejiranan.
- (ii) menganjurkan rumah terbuka peringkat kebangsaan untuk menyambut perayaan utama semua kaum di Malaysia. [2 markah]

6 Telitikan gambar di bawah.



Gambar menunjukkan satu amalan norma masyarakat global. Transaksi pembayaran tanpa tunai semakin popular dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat global. Kaedah pembayaran ini memberi faedah yang berlipat ganda kepada premis perniagaan dan para pelanggan.

- a) Terangkan dua kebaikan masyarakat global mengamalkan norma masyarakat dalam urusan pembayaran seperti yang ditunjukkan dalam gambar di atas? (4 markah)

- i. Dapat menjimatkan masa.
Masyarakat global tidak perlu bazir masa beratur panjang untuk buat bayaran di kaunter.
- ii. Tidak perlu sediakan duit kecil.
Masyarakat global dapat buat bayaran tepat tanpa perlu cari atau tukar duit syiling.

- b) Ramalkan kesan sekiranya amalan di atas disalahgunakan oleh masyarakat global. (3 markah)

- i. Masyarakat global cenderung berbelanja tanpa kawalan akibat leka tidak lihat wang kertas.
- ii. Boleh meningkatkan kes penipuan siber yang membabitkan wang.
- iii. Tenayah siber seperti kes kecurian identiti dan pencerobohan data akan meningkat ekoran penggodam.

- c) Jelaskan perasaan anda sekiranya masyarakat global mengamalkan amalan tersebut dalam kehidupan harian. (3 markah)

Gembira.

Masyarakat global dapat memanfaatkan teknologi pembayaran terkini.

Mereka dapat buat pembayaran pada bila-bila masa dalam sehari dari sebarang lokasi.

7



Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Berdasarkan gambar di atas, kerjasama sebegini sering dilakukan pada peringkat antarabangsa.

Apakah kepentingan amalan ini dari segi norma masyarakat global?

Meningkatkan penguasaan teknologi perubatan dalam kalangan masyarakat global.

Penyebaran dan perkongsian ilmu perubatan terkini lebih pantas dan efisien. [2 markah]

- (b) Berikan **dua** contoh norma masyarakat global dari sudut pandangan kesihatan.

(i) Perkongsian kepakaran perubatan seluruh dunia.

(ii) Penyelidikan dan pembangunan produk dan ubat-ubatan

(iii) Kerjasama dalam pengawalan penyakit berjangkit. [2 markah]

- (c) Budaya hedonisme semakin menular dalam kalangan masyarakat.

Apakah kesan budaya hedonisme?

Jati diri masyarakat goyah.

Masyarakat akan terlibat dalam pelbagai gejala negatif seperti pergaulan bebas.

Hal ini akan menjejaskan maruah diri serta keluarga mereka.

[3 markah]

- (d) Nyatakan kepentingan amalan norma masyarakat.

Sebagai panduan bertingkah laku.

Norma masyarakat dapat bantu masyarakat memahami kewajaran mengamalkan sesuatu tingkah laku yang telah diterima umum.

Contohnya, masyarakat Malaysia fahami amalan pemakaian pelitup muka, sanitasi tangan dan penjarakan fizikal adalah penting untuk bendung penularan COVID-19 [3 markah]

8 Perbualan di bawah berkaitan dengan isu pembelian atas talian.

Lim, saya sudah menerima barang yang saya pesan atas talian pada dua hari yang lalu. Memang cepat penghantarannya, jimat masa saya.

Wow...cepatnya. Baguslah. Kalau macam tu lepas ni saya akan buat belian atas talian juga. Ada barang rosak ke?

Tak Lim. Barang dibungkus dengan baik. Sekiranya ada sebarang kerosakan, kita boleh laporkan dan mendapat ganti rugi.

Memang terbaik Siew Ping. Saya pun tak ada masa nak keluar beli barang. Lagipun kakak saya pernah bagitahu saya harga atas talian berpatutan dan boleh dapat harga promosi.

(a) Senaraikan norma masyarakat global yang diamalkan oleh Lim dan Siew Ping.

- (i) ...Pembelian tanpa tunai.
- (ii) ...Transaksi dalam talian.
- (iii) ...Penggunaan barangan dan perkakasan canggih dalam kehidupan.

[3 markah]

(b) Jelaskan kebaikan norma masyarakat global tersebut kepada masyarakat demi menjamin kesejahteraan hidup.

- (i) ...Menjimatkan masa.
Pengguna tidak perlu beratur panjang semasa membeli belah.
- (ii) ...mudah dapat maklumat tentang barang.
Pengguna dapat membandingkan harga dengan kedai online lain dan boleh pilih barang berdasarkan kemampuan mereka.

[4 markah]

(c) Ramalkan kesan pengabaian norma masyarakat tersebut dalam kehidupan Lim dan Siew Ping.

- (i) ...membazir masa Lim dan Siew Ping.
- (ii) ...mereka hadapi kesukaran untuk perolehi maklumat barangan yang lengkap.
- (iii) ...mereka mempunyai pilihan barangan yang terhad.

[3 markah]

9. Gambar di bawah menunjukkan tindakan salahlaku murid.



(a) Apakah perasaan anda setelah melihat gambar di atas ? Berikan justifikasi anda.

Sedih. Justifikasi saya.
Imej murid terjejas.
Pelajaran murid juga terjejas.

[3 markah]

(b) Sekiranya rakan baik anda turut terlibat dalam kumpulan di atas, terangkan tindakan keperibadian mulia anda.

Saya akan menasihati rakan saya dengan cara yang baik.
Saya akan menjelaskan implikasi buruk jika dia teruskan budaya melepak.
Saya akan meminta rakan sedar akan kesilapan dan menyeru dia untuk mengubah sikapnya.

[3 markah]

(c) Terangkan cara anda mempraktikkan keperibadian mulia di sekolah.

- (i) Saya akan menjaga batasan pergaulan saya.
Saya akan beradab dalam persahabatan saya dengan bersikap sederhana dalam pertuturan dan perlakuan saya.
- (ii) Saya akan memberikan pertolongan ikhlas kepada Sahabat saya.
Saya akan mengurangkan kesedihan dan kebimbangan mereka ketika mereka berada dalam kesusahan.

[4 markah]

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi pertelingkahan pendapat yang berlaku dalam kalangan ahli Persatuan Sains dan Matematik.

Guru penasihat Persatuan Sains dan Matematik telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan sempena Minggu Sains dan Matematik di sekolah. Semasa mesyuarat tersebut dijalankan, dua orang ahli, iaitu Ali dan Ahmad telah bergaduh kerana Ali telah mengkritik pendapat Ahmad dan tidak memberi peluang kepadanya untuk menjelaskan pendapat yang diberikan. Hal ini menyebabkan Ahmad berasa marah.

- a. Berikan tiga tingkah laku berkeperibadian mulia yang sepatutnya ditunjukkan oleh Ali dan Ahmad. (3 markah)

- i. Ali dan Ahmad perlu bersikap sederhana dalam pertuturan dan perlakuan.
- ii. Mereka perlu bekerjasama dan saling menolong.
- iii. Mereka perlu sabar dan tenang ketika hadapi situasi yang sukar.
- iv. Mereka perlu menegur kesalahan rakan dengan cara yang baik.

- b. Jelaskan manfaat yang diperoleh seseorang yang mengamalkan keperibadian mulia dalam perbincangan. (3 markah)

Dapat mencapai matlamat mesyuarat.
Mereka dapat peroleh idea-idea bernas.
Mereka dapat memastikan segala aktiviti berjalan dengan lancar mengikut perancangan.
cara

- c. Sebagai pengerusi Persatuan Sains dan Matematik, bagaimanakah anda menyelesaikan konflik yang berlaku antara Ali dengan Ahmad?

(4 markah)

Saya akan tegur kesalahan mereka dengan cara baik.
Saya akan minta mereka supaya sabar dan tenang.
Saya akan nasihati mereka supaya sikap bertolak ansur dan henti saling mengkritik antara satu sama lain.
Saya akan galakkan mereka berunding dan capai kata sepakat secara situasi menang-menang.

11 Telitikan keratan akhbar di bawah, kemudian jawab soalan yang diberikan.

Janda keldai dadah

Ditahan bawa syabu 3.7kg sebaik tiba di LTAPP selepas kekasih warga Nigeria ditangkap polis

• oleh Hafidzly Kasan
hafidzlykasan@berita.com.my

GERAKAN janda beresah dan dari negeri ini menjadi keldai dadah berbarengan adalah ancaman nyata terhadap keselamatan negara. Wanita beresah di dalam negara ini adalah ancaman nyata terhadap keselamatan negara. Wanita beresah di dalam negara ini adalah ancaman nyata terhadap keselamatan negara. Wanita beresah di dalam negara ini adalah ancaman nyata terhadap keselamatan negara.



WOMAN... dan warga Nigeria ditahan membawa syabu.

Nilai dadah jenis syabu dirampas RM1j

a. Apakah punca perbuatan seperti di atas? (4 markah)

i. Ingin cepat kaya.

Meraka ditawarkan imbuhan wang yang agak lumayan.

ii. Ditipu sindiket di laman sosial.

Meraka mudah terpedaya dengan cinta yang baru dikenali dan sanggup lakukan apa saja untuk buktikan cinta mereka.

b. Huraikan dua kesan sekiranya wanita terbabit dibebaskan atas prinsip keprihatinan. (4 markah)

i. Semakin ramai wanita tempatan jadi mangsa.

Wanita tempatan akan diperalatkan oleh sindiket dengan cinta dan janji-janji manis.

ii. Kes penyeludupan dadah semakin berleluasa.

Hal ini akan menyebabkan imej negara terjejas di persada antarabangsa.

c. Berikan dua usaha yang perlu dijalankan oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah keldai dadah dalam kalangan rakyat. (2 markah)

i. menganjurkan kempen keedaran Anti Dadah.

ii. menguatkuasa undang-undang dengan jatuhkan hukuman mati mandatori terhadap pengedar dadah.

12 Keratan akhbar di bawah menunjukkan seorang ibu muda yang mencuri susu di pasar raya setelah hilang punca pendapatan.



a) Apakah perasaan anda apabila membaca keratan akhbar di atas? Berikan alasan anda. (3m)

Sedih

Ibu muda terpaksa curi untuk beri makanan kepada anaknya. Anak kecil akan kehilangan jagaan ibu jika ibu masuk penjara.

b) Senaraikan kes jenayah yang membawa kepada hukuman mati mandatori. (2m)

- i. membunuh dengan niat.
- ii. mengedar dadah melebihi jumlah yang ditetapkan.
- iii. pemilikan senjata api.

c) Sekiranya anda pengurus pasar raya tersebut, justifikasikan tindakan anda berdasarkan

i. Prinsip Keadilan (2m)

Saya akan beluarkan bukti rakaman CCTV dan mendakwa ibu muda di mahkamah. Tindakan ini adalah untuk mendapatkan hukuman setimpal dengan kesalahannya.


ii. Prinsip Keprihatinan. (2m)

Saya melepaskan ibu muda dan beri peluang untuk dia ubah sikap. Saya izinkan ibu muda bayar harga susu yang telah dicuri secara ansuran setelah dapat pekerjaan.

d) Selain mahkamah tinggi yang mengadili kes jenayah berat, namakan mahkamah yang mengadili jenayah berkaitan kanak-kanak. (1m)

Mahkamah Juvenil (Juvana)
Mahkamah Kanak-Kanak

13 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang pengguna jalan raya.



Kamal yang bertugas sebagai anggota polis trafik telah menahan seorang pemuda yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Pemandu tersebut telah merayu kepada Kamal supaya tidak mengeluarkan saman kepadanya atas alasan ingin membawa bapanya yang sedang sakit tenat ke hospital untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

- (a) Sekiranya anda adalah anggota polis tersebut, jelaskan tindakan anda berdasarkan satu nilai universal.

Nilai baik hati.

Saya peka terhadap situasi yang dihadapi pemandu
saya membenarkannya ke hospital.

[3 markah]

- (b) Sekiranya anda adalah pemandu tersebut, patutkah anda merayu kepada anggota polis berkenaan?

Berikan justifikasi anda.

Patut. Justifikasi saya.

Saya bukan sengaja melanggar peraturan jalan raya.
Bapa saya sakit tenat dan perlu rawatan segera
di hospital.


[4 markah]

- (c) Jelaskan tiga kepentingan membuat keputusan berdasarkan prinsip keprihatinan.

- (i) untuk pastikan semua lapisan masyarakat dapat keprihatinan yang sewajarnya.
- (ii) untuk elakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan atau situasi.
- (iii) untuk menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat.

[3 markah]

14 Gambar di bawah menunjukkan kes ragut.



tindakan

(a) Sekiranya anda melihat situasi di atas, apakah perlakuan moral anda ?

Saya akan rakam insiden tersebut dengan menggunakan telefon pintar saya.

Setelah itu, saya akan buat laporan polis dan serahkan bukti rakaman saya.

Seterusnya, saya akan cuba sedaya upaya untuk menenangkan mangsa ragut. [2 markah]

(b) Berdasarkan jawapan di 2a), nyatakan dua prinsip keprihatinan yang boleh dicontohi bagi menangani masalah ragut.

(i) menunjukkan sifat kepedulian dengan membantu mangsa ragut yang memerlukan bantuan.

(ii) menunjukkan sifat pemurah dengan meluangkan masa untuk menenangkan mangsa ragut.

(iii) menunjukkan sifat berperikemanusiaan dengan bersimpati terhadap mangsa ragut yang memerlukan sokongan moral. [2 markah]

(c) Berikan implikasi terhadap mangsa ragut.

Mangsa ragut akan mengalami trauma.

Mangsa takut untuk keluar tanpa ditemani individu lain.

Mangsa bimbang kejadian itu akan berulang lagi.

Mangsa kehilangan wang dan barangan berharga.

Mangsa alami kecederaan pada anggota tubuh badan. [3 markah]

(d) Bagaimana cara untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa ragut ?

Elakkan memakai barang kemas berlebihan.

Elakkan daripada berjalan bersendirian di kawasan sunyi.

Boleh gunakan beg galas untuk menggantikan beg tangan.

Amalkan amalan jalan berlawanan arah jalan.

ketika jalan berhampiran jalan raya agar dapat lihat kenderaan yang datang hampirinya. [3 markah]
kita.

15 Maklumat berikut berkaitan dengan sikap integriti individu.

Shila, seorang kakitangan awam telah membuka sebuah pusat tuisyen di kawasan kejrannya. Dia telah menggunakan khidmat fotokopi di pejabat untuk kegunaan diri sendiri tanpa kebenaran majikannya. Dia telah fotostat latihan untuk murid-murid di pusat tuisyennya. Tindakan ini telah diperhatikan oleh beberapa pekerja pejabat dan laporan telah sampai ke pengetahuan majikannya.

(a) Nyatakan amalan integriti yang sepatutnya Shila amalkan sebagai kakitangan awam

(i) Shila perlu mematuhi kod etika kerja.

(ii) Shila patut mengelakkan penyelewengan kerja.

[2 markah]

(b) Jika anda adalah majikan Shila, cadangkan tindakan yang sepatutnya dikenakan ke atas Shila. Justifikasikan jawapan anda berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.

Prinsip keadilan.

Saya akan memberi amaran tegas kepada Shila.

Saya hendak Shila sedar akan kesalahannya dan tidak ulangnya.

Ketegasan saya akan menjadi pengajaran kepada

pekerja lain supaya tidak cuba melakukan kesabhan serupa seperti Shila.

[3 markah]

(c) "Jika hilang wang boleh diganti tetapi jika hilang integriti maka hilanglah harga diri". Beri ulasan anda tentang slogan tersebut.

Jika kita tidak berintegriti di tempat kerja malah diri

kita akan terjejas teruk.

Orang lain akan hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap diri kita.

Orang lain mula memandang rendah terhadap diri kita.

Jika kesalahan yang kita lakukan berat maka kita akan kehilangan kerja.

Dengan ini, kita hilang sumber pendapatan serta

sukar untuk dapat kerja baharu dan dengan ini

masa depan kita akan terjejas.

[5 markah]

16. Berikut adalah tindakan Maria sebagai bendahari kelas.

Maria merupakan bendahari kelas yang diberi tanggungjawab untuk mengutip duit daripada rakan sekelas yang akan digunakan untuk membeli peralatan bagi kegunaan dalam kelas. Maria telah menggunakan duit kelas untuk membeli kasut berjenama yang diidamkan. Tindakan Maria telah diketahui oleh guru kelas setelah Maria tidak menggantikan pemadam papan putih yang rosak dan pen marker yang kehabisan dakwat.

- a) Pihak sekolah menekankan pembentukan insan bermoral dalam kalangan pelajar. Jelaskan bagaimana Maria dapat membentuk insan bermoral dari aspek penaakulan moral dan emosi moral.

(i) Penaakulan moral

Maria boleh berfikir dan tidak boleh gunakan duit kelas untuk kepentingan diri. Dia perlu amanah simpan duit kelas secara berasingan dengan selamat dan hanya gunakan untuk perbelanjaan kelas.

(ii) Emosi moral

Maria akan berasa malu atas kesalahan yang dilakukan olehnya. Guru dan rakan sekelas akan hilang kepercayaan terhadap Maria.

[4 markah]

- b) Jelaskan kesan terhadap Maria apabila guru kelas memberitahu tindakan Maria yang tidak jujur kepada rakan sekelas.

Maria akan dimarahi oleh rakan sekelas.
Maria akan dijauhi oleh rakan sekelas.
Maria akan alami tekanan emosi.
Imej diri Maria akan terjejas.

[4 markah]

- c) Nyatakan dua peranan yang harus dipikul oleh seseorang setiausaha persatuan setelah mengendalikan aktiviti mingguan.

- (i) kemaskini kehadiran dan hantar senarai ahli tidak hadir kepada guru penasihat.
(ii) Menyediakan laporan aktiviti mingguan.

[2 markah]

- 17 Gambar di bawah menunjukkan tentang nilai kerohanian dalam hubungan kekeluargaan.



- (a) Apakah perasaan anda apabila melihat situasi tindakan anak di atas? Justifikasikan jawapan anda.

Sedih. Justifikasi saya.

Ibu bapa gagal menjadi suri teladan kepada anak mereka. Ibu bapa tidak hormati dan menjaga warga tua dalam keluarga mereka.

[4 Markah]

- (b) Nyatakan dua contoh lain integriti dalam keluarga?


- (i) menjaga kerahsiaan keluarga.
- (ii) menjadikan pegangan agama sebagai asas yang kukuh dalam pembinaan keluarga.

[2 Markah]

- (c) Terangkan peranan ibu bapa untuk memupuk nilai kerohanian dalam hubungan kekeluargaan di atas.

- (i) Ibu bapa perlu didik anak-anak mereka untuk menyayangi warga tua.
Dengan ini, anak-anak akan menghargai sumbangan warga tua dan menjaga mereka dengan baik.
- (ii) Ibu bapa perlu didik anak-anak untuk memupuk hubungan baik dalam keluarga.
Dengan ini, anak-anak akan ambil tahu tentang [4 markah] situasi warga tua yang tidak berupaya dari segi fizikal dan menjaga kebajikan mereka.

18 Maklumat di bawah berkaitan dengan sikap segelintir warganegara Malaysia terhadap golongan OKU.



Terdapat segelintir warganegara yang suka meletakkan kenderaannya di tempat parkir khas bagi golongan kurang berupaya.

Sumber: <https://www.google.com/url.www.astroawani.com>

(a) Wajarkah tindakan warganegara tersebut?

Jelaskan pendirian anda.

Tidak wajar.

Warganegara 'pentingkan diri sendiri'.

Mereka tidak fikir hak golongan OKU

[3 markah]

(b) Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu menghormati golongan ini?

Berikan **dua** sebab.

(i) Mereka juga manusia seperti kita.

(ii) Kita tidak patut laka hati mereka.

(iii) Kita tidak patut sisihkan mereka.

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** peranan kerajaan untuk menyedarkan masyarakat tentang isu ini.

(i) Anjurkan tempen kesedaran 'Hormati Golongan OKU'

(ii) Denda masyarakat yang salahguna kemudahan khas OKU.

[2 markah]

(d) Nyatakan **dua** peranan orang awam jika melihat tindakan warganegara yang meletak kenderaan di tempat parkir OKU.

(i) nasihat warganegara jangan guna Parkir OKU.

(ii) lapor kepada pihak berkuasa.

[2 markah]

(e) Nyatakan prinsip yang perlu diamalkan oleh warganegara dalam memahami keperluan golongan OKU.

Prinsip Keprihatinan

Prinsip Keadilan

[1 markah]

19 Gambar berikut menunjukkan isu pemerdagangan manusia.



- (a) Sikap berperikemanusiaan menyumbang kepada kesejahteraan global. Apakah yang dimaksudkan dengan kesejahteraan global?

(Suasana aman dan makmur) (dari segi keselamatan, jaminan makanan, kesihatan dan kelestarian global).

[2 markah]

- (b) Ramalkan implikasinya jika kegiatan pemerdagangan manusia tidak ditangani dengan segera.

Manusia hilang pertimbangan. Kesannya, mereka akan menjadi kejam dan zalim. atau Hilang perasaan kasih sayang sesama manusia. Kesannya, mereka akan bersikap individualistik dan materialistik.

[2 markah]

(c) Huraikan **dua** cara untuk membendung kegiatan pemerdagangan manusia.

(i) menguatkuasa undang-undang.
Pihak berkuasa perlu mengenakan hukuman yang lebih berat kepada sindiket.

(ii) mengadakan kempen kesedaran anti pemerdagangan manusia.

Kerajaan dan NGO perlu beri mendidik masyarakat tentang impak negatif pemerdagangan manusia.

[4 markah]

(d) Namakan **dua** agensi tempatan yang bertanggungjawab untuk menangani masalah pemerdagangan manusia.

(i) Polis Diraja Malaysia (PDRM)

(ii) Jabatan Imigresen Malaysia

[2 markah]

20

Gambar menunjukkan bantuan sedang diberikan oleh individu kepada golongan gelandangan. Tindakan individu dalam gambar adalah untuk membentuk masyarakat yang sejahtera dan berperikemanusiaan.



a) Takrifkan perikemanusiaan. (2m)

(sifat yang wajar bagi manusia)

(seperti bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengasihani)

b) Setujukah anda dengan tindakan individu dalam gambar di atas. Nyatakan alasan anda. (2m)

Setuju.

Individu telah memberi bantuan kepada golongan gelandangan yang hidup susah.

Individu mengasihani golongan gelandangan tiada pendapatan tetap.

c) Perlakuan berperikemanusiaan seperti memelihara dan memulihara hutan merupakan tindakan yang patut dilakukan untuk membantu alam sekitar. Bincangkan. (4m)

Kita dapat pastikan ekosistem alam sekitar akan terjamin.

Kita dapat elakkan berlakunya fenomena pemanasan global.

Kita dapat elakkan berlakunya bencana alam seperti kejadian tanah runtuh.

Kita dapat pastikan spesies flora dan fauna tidak pupus.

d) Berikan contoh aktiviti yang pernah anda sertai untuk membantu masyarakat. (2m)

i. Aktiviti gotong-royong bersihkan taman perumahan.

ii. Aktiviti larian amal.

iii. Aktiviti penanaman pokok.

iv. Menjadi sukarelawan di PPV.



- (a) Wajarkah tindakan tersebut? Justifikasikan alasan anda.

Tidak wajar. Alasan saya.....
 Acik tidak berperikemanusiaan.....
 Acik zalimi haiwan peliharaan dengan membiarkannya
 dalam kelaparan.....

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah anda dapat menunjukkan sikap perikemanusiaan kepada haiwan yang terbiar?

Cara
 Saya menyelamatkan haiwan yang terbiar itu.....
 Saya akan beri makanan dan minuman kepada
 haiwan berkenaan.....
 Saya akan buat perkongsian di media sosial untuk
 mencari pihak yang sedia untuk membela haiwan berkenaan.....

[3 markah]

- (c) Cadangkan cara untuk meningkatkan kesedaran sikap berperikemanusiaan dalam kalangan masyarakat.

Kesedaran sikap berperikemanusiaan perlu dipupuk ke dalam diri setiap anggota masyarakat bermula dari bangku sekolah. Melalui subjek Pendidikan Agama dan Pendidikan Moral secara formal dan melalui aktiviti kelab dan persatuan secara informal.

[2 markah]

- (d) Pada pendapat anda, mengapakah penganiayaan haiwan peliharaan masih berlaku?

Masyarakat kurang ilmu pengetahuan dalam soal penjagaan haiwan peliharaan.....
 Lantas, mereka bertindak mendera haiwan peliharaan mereka yang berteluran dan mengganggu ketenteraman jiran.....

[2 markah]

22 Keratan akhbar berikut adalah berkaitan dengan kes penderaan kanak-kanak.



Sumber : Harian Metro, 28 Mei 2014

(a) Jelaskan perasaan anda apabila anda membaca keratan akhbar di atas.

Sedih.

Kanak-kanak tidak berdepa.

Kanak-kanak didera dengan kejam tanpa perikemanusiaan.

[2 markah]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah situasi tersebut berlaku ?

Krisis rumah tangga seperti pergaduhan antara suami isteri.
Natiujahnya, anak menjadi mangsa untuk melepaskan geram
dan tekanan yang dialami oleh mereka.

[2 markah]

(c) Ramalkan implikasi perbuatan tidak berintegriti yang bakal diterima oleh pendera kanak-kanak malang tersebut.

Pendera akan dikenakan hukuman yang setimpal.

Pendera perlu jalani hukuman penjara.

Pendera boleh didenda.

Pendera boleh dikenakan sebatan rotan.

Pendera yang mendera sampai mangsa mati boleh
dijatuki hukuman mati.

[4 markah]

(d) Cadangkan inisiatif yang dapat dilakukan oleh kerajaan supaya amalan integriti dapat dipraktikkan secara berterusan dalam keluarga.

i) menganjurkan kempen kesedaran 'Keluarga Bahagia!'

ii) mewajibkan kursus perkahwinan dan kursus
keibubapaan kepada pasangan suami isteri baharu
dirikan rumah tangga.

[2 markah]

23

Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan NGO dalam menjalankan aktiviti khidmat masyarakat terhadap mangsa banjir.

Luluh hati lihat nasib mangsa banjir



Mengerah keringat bersama kumpulan sukarelawan di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Ikhlas.com, Fizz yang berasal dari Raub, melihat sendiri kepayahan penduduk kampung berdepan bencana banjir yang memusnahkan harta benda, tanaman dan haiwan peliharaan.

Bersama Ikhlas.com, Fizz sudah lebih empat kali menyertai misi kemanusiaan dan bantuan kepada mangsa bencana banjir. Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh melayari www.ikhlas.com

- a. Selain melibatkan diri dalam program dan menghulurkan sumbangan, apakah tindakan lain yang boleh anda lakukan bagi menjayakan seruan kutipan derma NGO di atas?
(3 markah)

Saya akan menyuruh rakan dan anggota keluarga untuk menderma.
Saya akan kongsi info kutipan derma berkenaan dalam media sosial.
Saya akan menulis artikel dalam akhbar tentang
keperluan mangsa banjir bagi mendapatkan
keperhatian orang awam untuk menderma.

b. Terangkan manfaat program yang dianjurkan oleh NGO di atas terhadap mangsa bencana banjir. (3 markah)

- i. Kebutuhan asas mangsa banjir seperti makanan, bekalan air minuman dan pakaian dapat dijaga.
 - ii. Dapat meringankan beban kewangan mangsa banjir untuk baiki rumah mereka yang rosak teruk.
 - iii. Dapat tenteramkan emosi mangsa dan pulihkan semangat mereka untuk mulakan kehidupan yang baharu.
 - iv. Mangsa banjir yang alami kecederaan dapat perhatian dan rawatan pertolongan cemas dengan segera.
- c. Anda bersetuju penglibatan diri dalam program komuniti sangat penting untuk membantu negara mengatasi pelbagai bencana yang melanda negara. Justifikasikan jawapan anda. (4 markah)

Dapat meringankan bebanan kerajaan untuk atasi bencana alam.
Kerajaan tidak perlu tanggung semua kos untuk bantu mangsa secara bersendirian.

Hal ini kerana masyarakat dan warga korporat turut salurkan pelbagai bantuan kepada mangsa tanpa harapkan bantuan kerajaan.
Dengan ini, kerajaan dapat menyalurkan dana mereka untuk program pembangunan yang lain.



Amalan pengurusan perbelanjaan secara beretika memberi banyak manfaat kepada individu. Namun begitu, perbelanjaan yang tidak diuruskan secara beretika akan memberikan kesan kepada diri dan orang lain.

(a) Apakah maksud perbelanjaan beretika?
 (cara wang dibelanjakan dan diuruskan dengan berhemah)
 (untuk mendapatkan sesuatu barangan dan perkhidmatan)
 [2 markah]

(b) Huraikan kepentingan menguruskan perbelanjaan secara beretika.

(i) Menjamin masa hadapan.
 Kita harus menabung untuk memenuhi keperluan alam dewasa.

(ii) Mengurangkan bebanan hutang.
 Kita harus menghargai wang dan berdisiplin ketika berbelanja.

[4 markah]

(c) Terangkan kesan pengurusan perbelanjaan tidak beretika kepada diri.

(i) Kesan jangka pendek
 Menghadapi masalah kewangan.
 Individu mungkin terpaksa pinjam daripada pemiutang yang tidak berlesen dengan kadar faedah tinggi.
 [2 markah]

(ii) Kesan jangka panjang
 Nama boleh disenaraikan.
 Individu alami kesukaran untuk membuat pinjaman pada masa hadapan.
 [2 markah]

25 Berikut adalah iklan promosi pembelian atas talian.



a) Promosi seperti di atas sering menjadi perhatian masyarakat terutamanya golongan wanita kerana mempunyai potongan harga yang lumayan.

Sebagai ketua keluarga, bagaimana anda memanfaatkan peluang promosi seperti di atas.

cara
Saya tidak akan terpengaruh dengan jualan dalam talian. Saya akan merancang perbelanjaan mengikut kemampuan. Saya akan membeli barang keperluan untuk ahli keluarga. Saya akan membuat perbandingan harga.

[3 markah]

b) Ramalkan kesan sekiranya seseorang individu gagal menggunakan kad kredit secara berhemah ketika membuat perbelanjaan atas talian.


- (i) Individu akan boros berbelanja.
- (ii) Individu akan gunakan kad kredit melebihi had.
- (iii) Individu perlu bayar kadar faedah yang tinggi.
- (iv) Individu perlu tanggung bebanan hutang yang tidak sepatutnya.

[4 markah]

c) Cadangkan kaedah yang dapat diamalkan agar perbelanjaan terancang dapat dilakukan.

Kita perlu mendokumentasikan perbelanjaan.
Kita perlu catat kategori barang dan hanya beli barang keperluan sahaja.
Kita perlu mendisiplinkan diri hanya beli barang yang telah dirancang sahaja.

[3 markah]



Gambar A

(a) Sebagai pengguna yang beretika, jelaskan cara anda menguruskan pembelian dalam situasi Gambar A.

(i) Saya tidak terpengaruh dengan Jualan Murah

(ii) Saya akan buat penelitian harga terlebih dahulu.

(iii) Saya akan pastikan kualiti barangan dan kesesuaian harga.


(iv) Saya rancang perbelanjaan berdasarkan wang yang dimiliki. [3 markah]

(v) Saya elakkan diri daripada berhutang.

(b) Terangkan implikasi sekiranya anda terlalu mengikut nafsu berbelanja ketika jualan murah.

(i) Bazir wang ke atas barangan yang tak perlu. Hal ini jejakkan perbelanjaan saya terhadap barangan keperluan harian.

(ii) Terpaksa tanggung beban hutang yang tidak sepatutnya. Saya mungkin disenaraihitamkan oleh bank jika tak mampu bayar balik hutang tersebut. [4 markah]



Gambar B

(c) Setujukah anda dengan pernyataan pada Gambar B? Berikan hujah anda.

Setuju. Hujah saya:

Tabungannya bantu saya atasi masalah ketika hadapi masa kecemasan.

Tabungannya bantu saya memenuhi keperluan alam dewasa saya seperti memiliki rumah dan lanjutkan pelajaran. [3 markah]

27 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan beberapa orang individu.

Bo Xuan : Membeli sepasang kasut baharu semasa jualan murah kerana kasut sedia ada sudah tidak mengikut gaya semasa.
Naresh : Membuat penolakan gaji untuk insurans nyawa, tetapi ingin menambah untuk unit amanah. Namun, bimbang perbelanjaan bulanan meningkat.
Daniel : Membeli 2 tin biskut kerana inginkan bekas pensel edisi terhad yang diberikan secara percuma. Dia sememangnya memerlukan bekas pensel.

Cara

- a. Berdasarkan perbelanjaan beberapa individu di atas, bagaimanakah Bo Xuan dapat mengawal perbelanjaan kehendak? Jelaskan. (3 markah)

Bo Xuan tidak terpengaruh dengan Jualan Murah.
Dia perlu semak dan bandingkan harga kasut.
Baru dia dapat pastikan kasut itu benar-benar murah dan bertualiti.
Ini dapat elakkan dia jadi mangsa penipuan.


- b. Berdasarkan perbelanjaan di atas, adakah anda bersetuju dengan cara perbelanjaan Daniel? Berikan alasan. (4 markah)

Setuju. Alasan.
Daniel bertindak dengan bijak semasa berbelanja.
Daniel beli berdasarkan keperluan.
Daniel dapat jimatkan wang untuk beli bekas pensel kerana ia diberi percuma.

- c. Mengapakah setiap perbelanjaan memerlukan perancangan? (3 markah)

Dapat membeli barangan perlu yang telah dirancang sahaja.
Dapat elakkan perbelanjaan secara berlebihan dan yang tidak sepatutnya.
Dapat berjimat cermat dan elakkan pembaziran.

Berikut adalah amalan Sally menguruskan perbelanjaan diri dalam kehidupan harian.



Sally dilabelkan sebagai 'kaki shopping' dan sering terpengaruh dengan iklan jualan murah. Dia sanggup menghabiskan gaji bulanannya semata-mata untuk membeli barang kesukaannya sehingga dia menggunakan kad kredit tanpa had.

(a) Berdasarkan situasi di atas, berikan dua nilai universal yang patut diamalkan oleh Sally.

- (i) Nilai kesederhanaan.
- (ii) Nilai bertanggungjawab.
- (iii) Nilai rasional. [2 markah]

(b) Ramalkan dua kesan terhadap Sally akibat berbelanja secara boros.

- (i) Sally akan hadapi masalah kewangan.
- (ii) Sally akan dibebani hutang yang tidak sepatutnya. [2 markah]

(c) Apakah kepentingan amalan berjimat cermat dalam kehidupan harian?

- (i) Dapat menjamin masa hadapan.
Kita akan mempunyai tabungan untuk hadapi keperluan alam dewasa.
- (ii) Dapat mengurangkan bebanan hutang.
Kita dapat pupuk sikap hargaai wang dan berdisiplin ketika berbelanja.

[4 markah]

d) Nyatakan dua cara yang boleh dilakukan untuk menguruskan perbelanjaan secara beretika.

- (i) rancang perbelanjaan berdasarkan jumlah wang yang dimiliki.
- (ii) membeli barangan keperluan sahaja.

[2 markah]

29

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazandusun, Iban, Orang Asli, Baba dan Nyonya, Portugis dan lain-lain. Setiap kaum menganuti agama dan kepercayaan masing-masing, antaranya termasuklah Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan animisme. Kepelbagaian ini tidak menghalang rakyat Malaysia untuk menerima dan menghormati norma dan budaya kaum lain. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan keamanan. Kepelbagaian ini menjadikan rakyat Malaysia unik di persada dunia.

a) Nyatakan nama pakaian bagi kaum berikut: (2m)

i. Punjabi	Salwar kameez / baju punjabi
ii. Kadazandusun	Himpogot / tangkong / siling / tapi

b) Terangkan kepentingan keunikan rakyat Malaysia (3m)

Dapat mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.
 Rakyat dapat menerima, menghormati dan mengurni
 kepelbagaian budaya.
 Rakyat dapat hidup bersatu padu dengan aman tanpa
 sebarang konflik.

c) Wajarkah isu sensitif disebarikan melalui media sosial? Bincangkan alasan anda. (5m)

Tidak wajar.
 Isu sensitif boleh menggugat perpaduan negara.
 Isu sensitif boleh menyinggung perasaan kaum lain.
 Isu sensitif boleh mencetuskan sifat kebencian dan
 prasangka buruk menebal antara kaum.
 Isu sensitif boleh dieksploitasi oleh kumpulan ekstremis
 dan pengganas untuk lancarkan serangan.
 Semua ini boleh mengancam keselamatan negara.

Negara Malaysia merupakan negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazandusun, Iban, Orang Asli, Baba dan Nyonya. Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum ini masih mengekalkan amalan tradisi masing-masing dalam aktiviti harian. Setiap kaum menganuti agama dan kepercayaan masing-masing. Kepelbagaian ini menjadikan rakyat Malaysia unik di persada dunia.

- (a) Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas?

Berikan **dua** contoh amalan tradisi yang diamalkan oleh ahli keluarga anda.

Setuju.

Keluarga saya merayakan pesta ponggal dan Deepavali.

[3 markah]

- (b) Apakah perasaan anda apabila mengamalkan tradisi kekeluargaan sendiri?

Mengapakah anda berperasaan sedemikian?

Gembira.

Saya dapat mengekalkan tradisi keluarga saya.

Saya dapat merapatkan hubungan dengan ahli keluarga saya.

[3 markah]

cara

- (c) Bagaimanakah anda dapat mengekalkan budaya dan adat tradisi rakyat Malaysia agar perpaduan dan keamanan negara terpelihara?

Saya akan mengetahui dan amalkan adat tradisi kaum saya.

Saya juga akan pelajari adat tradisi kaum lain.

Saya akan menerima dan menghormati keunikan semua kaum.

Saya tidak pandang rendah adat dan kepercayaan kaum lain.

[4 markah]

31 Malaysia kaya dengan warisan kebudayaan yang unik dan menarik. Warisan dalam budaya merangkumi makanan, adat dan permainan tradisi yang terhasil dari asimilasi pelbagai kaum masyarakat Malaysia seperti Melayu, Cina dan India. Permainan tersebut terdiri daripada batu seremban, congkak, tutup botol, galah panjang dan gasing. Ini telah mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Sumber: <http://www.google.com>

(a) Nyatakan **dua** kebaikan apabila masyarakat pelbagai kaum terlibat dalam permainan tradisional.

- (i) Masyarakat dapat fahami permainan tradisi kaum lain.
- (ii) Masyarakat dapat pupuk persefahaman dan bersatu apabila beraksi dalam satu pasukan. [2 markah]

(b) Berikan **satu** nilai universal yang telah diamalkan oleh masyarakat Malaysia dalam permainan tradisional di atas.

Nilai toleransi	Nilai rasional
Nilai kerjasama	Nilai bertanggungjawab [1 markah]
Nilai hormat	

(c) Jelaskan **tiga** contoh amalan yang boleh mengekalkan perpaduan bagi mewujudkan sesebuah negara yang makmur.

- (i) Kita perlu sertai sambutan hari kemerdekaan.
- (ii) Hadiri rumah terbuka semasa perayaan.
- (iii) Melakukan khidmat komuniti.

[3 markah]

(d) Huraikan **dua** cabaran dalam membentuk amalan perpaduan kaum.

- (i) Penguasaan bahasa kebangsaan yang lemah.
Masyarakat tidak sedar akan kepentingan belajar dan kuasai bahasa kebangsaan.
- (ii) Penyebaran maklumat palsu dan negatif.
Segelintir masyarakat suka ungkit isu perkauman di ruang siber.

[4 markah]



- (a) Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui poster tersebut. Kemukakan hujah anda secara terperinci.

Poster ini menyeru rakyat Malaysia supaya bersedia korban demi negara apabila wujud situasi negara memerlukan kita. Rakyat Malaysia harus menyemai semangat cintakan negara dalam diri kita. Rakyat Malaysia harus sentiasa menjaga maruah negara. Rakyat Malaysia perlu menyumbang ke arah membangunkan ekonomi negara kita. [4 markah]

- (b) Mengapakah keselamatan negara perlu diutamakan dalam menjamin kedaulatan negara.

- (i) Kita perlu utamakan keselamatan negara demi mengelakkan penceroohan asing melalui darat, udara dan laut.
- (ii) Kita juga perlu elakkan campur tangan kuasa asing dalam hal ehwal pentadbiran negara.
- (iii) Kita harus elakkan golongan muda negara terpengaruh dengan anasir luar seperti budaya hedonisme sehingga hilang identiti diri sebagai bangsa Malaysia berpaksikan budaya ketimuran. [3 markah]
- (iv) Kita perlu mengekalkan perpaduan antara pelbagai kaum dan bersatu mengekalkan kemerdekaan negara.

(c) Nyatakan peranan pihak berikut dalam mengekalkan kedaulatan negara.

(i) Ibu bapa

perlu memastikan anak-anak menghormati raja dan kerajaan yang memerintah serta lambang-lambang kebesaran negara.

membawa anak-anak melawat tempat bersejarah dan ambil bahagian dalam sambutan hari kemerdekaan. [1 markah]

(ii) Media massa

perlu menayangkan filem-filem berunsurkan patriotik. perlu memainkan lagu-lagu patriotik secara kerap bukan secara bermusim.

[1 markah]

(iii) Agensi kerajaan

menganjurkan program atau aktiviti untuk menanam semangat patriotik dalam kalangan rakyat.

menerapkan tema kenegaraan dalam subjek Pendidikan Moral, Pendidikan Agama, Sejarah dan sebagainya. [1 markah]

33. Antara faktor yang boleh menggugat kedaulatan negara termasuklah kegiatan pengganas, pencerobohan perairan dan rusuhan.



Langkah mempertahankan kedaulatan negara menjadi tanggungjawab setiap warganegara. Kedaulatan negara diperoleh daripada hasil perjuangan dan pengorbanan generasi dahulu. Oleh itu, generasi kini harus memahami kepentingan mempertahankan kedaulatan negara yang dinikmati.

a) Jelaskan perasaan anda apabila dapat hidup dalam suasana negara yang aman damai.

Gembira.

Dengan keadaan aman damai, negara kita akan terus maju membangun. Rakyat negara kita dapat menikmati taraf hidup yang baik.

(3 markah)

b) Sebagai seorang murid, cadangkan cara - cara yang boleh anda lakukan bagi mempertahankan kedaulatan negara.

- i. Saya perlu mematuhi peraturan dan undang-undang negara.
- ii. Saya perlu amalkan tradisi dan norma masyarakat sendiri.
- iii. Saya perlu mengekalkan perpaduan dengan amalan hidup bertolak ansur dengan pelbagai kaum. (3 markah)
- iv. Saya perlu bersikap patriotik dan menghormati lambang kebesaran negara.
- v. Saya harus belajar bersungguh-sungguh dan menggunakan ilmu pengetahuan serta kemahiran saya untuk pembangunan negara bila tamat pengajian.

c) Sejauh manakah pengamalan nilai universal dapat menjamin keharmonian hidup dan nikmat keamanan?

i. Nilai hormat.

Rakyat perlu menerima dan menghormati agama, kepercayaan dan budaya kaum lain.

ii. Nilai toleransi.

Rakyat perlu hidup bertolak ansur untuk mengelakkan pertelingkahan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. (4 markah)



(a) Antara pencapaian beliau termasuklah memenangi Kejohanan Skuasy Dunia sebanyak lima kali dan menduduki ranking pertama dunia dari tahun 2005 hingga 2010. Dengan pencapaian tersebut, beliau layak dinobatkan sebagai individu global.

Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan **tiga** ciri individu global yang anda fahami.

- (i) mampu berdaya saing di peringkat lokal dan global
- (ii) memiliki jati diri kukuh dan dapat sesuaikan diri dengan perubahan dunia.
- (iii) memiliki jaringan dan jalinan global yang baik di mana mempunyai hubungan baik dengan semua pihak. [3 markah]

cara

(b) Selain bidang sukan, bagaimanakah anda boleh memberi sumbangan untuk menjadikan Malaysia unggul di mata dunia?

- (i) lanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka di luar negara dan capai keputusan cemerlang.
- (ii) wakili negara dan menangi pertandingan rekabipta di peringkat antarabangsa.
- (iii) mempromosikan destinasi pelancongan negara ke seluruh dunia melalui platform media sosial. [3 markah]

(c) Sikap individualistik ^{dan} tidak bekerjasama dan pemikiran masyarakat yang kurang berdaya maju merupakan antara cabaran untuk mengharumkan nama negara di persada dunia.

Berikan cadangan anda untuk mengatasi cabaran di atas berdasarkan **satu** nilai universal.

Nilai patriotisme.

Kerajaan perlu melaksanakan kembali program latihan khidmat negara untuk generasi muda negara. Program ini berupaya memupuk perpaduan dan semangat bekerjasama dalam kalangan generasi muda negara.

Rakyat harus menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Langkah ini akan meningkatkan keupayaan serta kualiti pemikiran rakyat jelata ke peringkat yang lebih tinggi. [4 markah]

Situasi berikut berkaitan dengan hubungan kekeluargaan dalam keluarga Parvin.

Ibu Parvin : Ayah makan di meja yang saya sediakan di tepi beranda sana ya, sebab suami saya kurang selesa makan bersama dengan ayah.

Datuk Parvin : Baiklah nak!

Parvin : Mak! Ayah! Mengapakah datuk tidak makan bersama-sama dengan kita. Mengapakah datuk makan seorang diri di sana?

Ibu Parvin : Datuk sudah tua nak, dia ingin makan bersendirian.

Parvin : Mak dan ayah tidak suka makan dengan datuk ye, kalau macam tu, bila saya besar nanti saya tidak mahu makan dengan mak dan ayah

- (a) Tindakan Parvin menunjukkan dia ialah seorang anak yang mempunyai nilai kerohanian yang tinggi. Senaraikan **dua** ciri nilai kerohanian yang terdapat di dalam diri Parvin.

(i) Jujur memberi pandangan.

(ii) Menghormati ibu bapa dan datuknya.

[2 markah]

- (b) Wajarkah tindakan Parvin bertanyakan perkara tersebut kepada ibubapanya? Beri alasan anda.

Wajar.

Parvin keliru dengan tindakan ibubapanya.

Parvin tidak suka perbuatan ibubapa terhadap datuknya.

Parvin kasihan kepada datuknya.

[4 markah]

- (c) Jelaskan emosi moral ibu Parvin terhadap ayahnya apabila mendengar kata-kata terakhir Parvin dalam perbualan tersebut? Buktikan jawapan anda.

Rasa bersalah.

Ibu sedar cara dia dan suaminya melayan ayah adalah salah.

Ibu dapat fahami isi hati Parvin yang kecewa dengan kejadian di meja makan.

Ibu bangga dengan sikap berani anaknya menegur kesalahannya.

[4 markah]

Lima Lelaki Ditahan Pukul Pelajar

JOHOR BAHRU 18 April 2021 - Polis menahan lima lelaki yang dipercayai memukul seorang pelajar tingkatan dua di hadapan sebuah sekolah di kawasan Taman Daya, di sini pada hari Jumaat.

Kejadian dipercayai berlaku ekoran rasa tidak puas hati, kerana suspek beranggapan bahawa mangsa telah mengejek adik saudaranya.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article>

- (a) Tindakan memukul insan lain tidak mencerminkan individu yang ada unsur kerohanian dalam diri.

Berikan **tiga** ciri kerohanian yang patut ada pada kelima-lima lelaki dalam artikel di atas.

- (i) Saling menghormati antara satu sama lain.....
- (ii) Sayangi diri dan insan lain.....
- (iii) Berpegang teguh kepada ajaran agama.....

[3 markah]

- (b) Nyatakan **tiga** cara seseorang individu boleh meningkatkan nilai-nilai kerohanian dalam diri.

- (i) menjadikan ajaran agama sebagai panduan hidup.....
- (ii) menjauhi diri daripada gejala negatif.....
- (iii) menjaga hubungan baik sesama manusia.....

[3 markah]

- (c) Apakah yang mungkin berlaku kepada kelima-lima lelaki yang ditahan?

- (i) Dihadapkan ke mahkamah.....
- (ii) Dipenjarakan / dikenakan hukuman / didenda.....
- (iii) Direkodkan sebagai penjenayah [2 markah]
- (iv) Imej diri terjejas / dipandang rendah oleh masyarakat

- (d) Berikan **dua** contoh perlakuan yang mengikut nilai kerohanian dalam kehidupan seharian.

- (i) menghormati semua orang tidak kira umur.....
- (ii) menyayangi semua insan termasuk haiwan dan alam sekitar.....

[2 markah]

RANG UNDANG-UNDANG BERITA PALSU

Denda RM500,000 penjara 10 tahun

Hukuman sedia ada mengikut Seksyen 233 (1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya, dianggap masih ringan dan tidak menggerunkan penyebar berita palsu



(a) Setujukah anda dengan tindakan tersebut ?

Berikan alasan anda.

Setuju. Alasan saya.....
 Berita palsu boleh cetuskan rasa panik.....
 Berita palsu boleh gugat perpaduan masyarakat.....
 Berita palsu boleh gugat kestabilan negara.....

[3 markah]

(b) Sekiranya anda mendapat berita palsu, nyatakan tindakan anda.

- (i) Saya tidak akan kongsi berita palsu berkenaan.....
 (ii) Saya akan melaporkan kepada pihak berkuasa/polis SKMM.....
 (iii) Saya akan mendapatkan nasihat daripada ibubapa.....

[3 markah]

(c) Nyatakan dua tatacara menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat secara beretika.

- (i) Tidak mencetak atau memplagiat bahan tanpa kebenaran pemilik asal.....
 (ii) Menyatakan sumber rujukan dengan tepat.....

[2 markah]

Cara

(d) Bagaimanakah anda memastikan penggunaan akaun e-mel anda selamat ?

Saya akan gunakan e-mel dengan bijak dan berhati-hati.
 Saya akan merahsiakan nama pengguna dan kata laluan daripada pengetahuan orang lain.....
 Saya tidak akan memalsukan maklumat diri dalam pendaftaran e-mel.....

[2 markah]

- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

PEJABAT KETUA PENYANTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

SCAM ALERT!

Berita Baik! Tawaran Diskaun Sempena Merdeka. Hanya perlu bayar 10% untuk menaguhkan kes mahkamah. Sekiranya berminat, Sila Hubungi dgn segera pada talian 03-79710481/010-3888441.(KPMA PARTNERS).TK

NOTIS! NAMA ANDA AKAN DIMASUKKAN KE DALAM BIRO MAKLUMAT KREDIT CTOS/CCRSI UNTUK DISENARAI HITAMKAN TANPA NOTIS DAN PEMBEBUAN KESEMUA AKALAN BANK, KWSP&PASPORT AKN DILAKUKAN HARI INI UNTUK MEMULAKAN PROSIDING MAHKAMAH SIVIL KUALA LUMPUR PADA TARIKH YANG AKAN DITETAPKAN. NOTIS SAMAN AKAN DI KELUARKAN DALAM TEMPOH 24 JAM DARI TARIKH NOTIS INI. SILA HUBUNGI PEGAWAI TUAN HAJI KAMARUDIN DI TALIAN 010-388844 DENGAN KADAR SECERA.

Pihak Mahkamah tidak ada melantik pihak ketiga / orang luar untuk urusan penanguhan kes mahkamah seperti yang dinyatakan

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi di talian berikut :

03 8880 3500
komunikasikorporat@kehakimanan.gov.my

MYJudiciary The Malaysian Judiciary #AmbilTahuJanganDitipu

- a) Jelaskan kesan yang berlaku sekiranya jenayah tersebut terus berleluasa
- Mangsa alami tekanan mental dan emosi. Mereka akan kurungkan diri di rumah dan menyalahkan diri sehingga hadapi masalah kemurungan.
 - Kerugian mencecah ratusan ribu ringgit. Misalnya, wang simpanan peribadi untuk masa depan semuanya hilang sekelip mata akibat 'Love Scam.'

[4 markah]

b) Sebagai pengguna teknologi maklumat yang bijak, apakah tindakan yang boleh dilakukan supaya tidak menjadi mangsa seperti di atas?

- (i) Tidak panggil semula atau menjawab panggilan nombor yang tidak dikenali.
- (ii) Tidak klik sebarang pautan yang menjanjikan wang tunai lumayan.
- (iii) Tidak kongsi maklumat peribadi seperti nombor akaun bank, nombor pin dan sebagainya. [2 markah]
- (iv) Gunakan apps untuk kenalpasti dan menyekat talian.

c) Senaraikan **empat** jenis jenayah siber berkaitan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan negara?

- (i) Menggodam dan mencuri maklumat sulit.
- (ii) Penyebaran virus.
- (iii) Pornografi.
- (iv) Menyalin perisian secara tidak sah.
- (v) Judi siber. [4 markah]
- (vi) Menyalurkan maklumat-maklumat palsu.

39

Netizen X: Oh, kita kena cepat tukar gambar profil! Nanti, ada pihak yang cuba godam.
Jom, tukar profil kawan-kawan! Kita sebarkannya kepada kawan-kawan lain.
Netizen Y: Bawa bertenang. Kita tidak pasti sama ada maklumat ini sahih atau tidak. Kita patut selidik dahulu kesahihan maklumat ini. Jangan tergesa-gesa menyebarkannya.
Netizen Z: Saya ikut sahaja.

a) Cadangkan tatacara menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat yang betul. (3m)

- i. pastikan kesahihan sesuatu maklumat.
- ii. dapatkan pengesahan daripada pihak yang berkaitan.
- iii. tidak sebarkan berita dan maklumat yang menyentuh isu sensitif.
- iv. tidak menokok tambah maklumat atau isi kandungan.

b) Berdasarkan dialog di atas, terangkan kesan penyebaran berita palsu dari segi penaakulan moral dan perlakuan moral. (4m)

Penaakulan Moral

Netizen boleh berfikir kesan sebarkan berita yang tidak tepat. Ia boleh mengelirukan orang lain dan mengaibkan si mangsa.

Perlakuan Moral

Tindakan netizen adalah salah di sisi undang-undang. Netizen yang didapati bersalah boleh dipenjarakan dan boleh dikenakan denda.

c) Nyatakan contoh saluran penyebaran maklumat palsu di negara kita. (2m)

- | | |
|---------------|---------------|
| i. Facebook | iv. Whatsapp |
| ii. Instagram | v. Youtube |
| iii. Twitter | vii. Telegram |

d) Namakan akta yang berkaitan menangani berita palsu. (1m)

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

40. Pernyataan di bawah merujuk isu saman fitnah yang dilakukan oleh segelintir individu.

SAMAN FITNAH

Akhir – akhir ini, kita kerap mendengar mengenai tindakan saman fitnah yang dilakukan oleh segelintir individu di negara ini sehingga dalam kalangan orang awam juga turut berminat untuk melakukan saman fitnah. Pada asasnya, objektif utama saman fitnah adalah untuk memberikan hak kepada setiap individu untuk melindungi nama baik dan reputasi individu daripada dicemari dengan tuduhan tidak berasas atau fitnah.

a) Wajarkah saman fitnah ini dilakukan terhadap sesuatu perkara atau isu? Jelaskan.

Wajar..... Saman fitnah adalah peluang untuk si mangsa yang difitnah membuktikan bahawa dirinya di pihak yang benar iaitu tidak bersalah.

Saman fitnah akan memberi pengajaran kepada penabur fitnah untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama di masa hadapan. (3 markah)

b) Cadangkan tindakan yang wajar dilakukan oleh masyarakat bagi mengelakkan saman fitnah ini berlaku.

i. masyarakat harus menghormati hak masing-masing.....

ii. masyarakat tidak sebarkan berita yang belum pasti kelahirannya.

iii. masyarakat perlu berpegang teguh kepada ajaran agama kerana perbuatan menabur fitnah adalah perbuatan keji dan tertutuk. (3 markah)

c) Nyatakan tindakan yang boleh menyebabkan seseorang individu itu menfailkan saman fitnah?

i. Individu dituduh melakukan sesuatu tanpa bukti dan perkara ini menjatuhkan kredibilitinya.

ii. Kisah atau cerita tentang individu direka dengan motif untuk jejasakan imejnya. (2 markah)

d) Ramalkan kesan kepada masyarakat sekiranya saman fitnah semakin berleluasa dalam kehidupan masa kini.

Saman fitnah boleh mencetuskan pertengkaran dan pergaduhan dalam kalangan masyarakat.

Lantas, keharmonian hidup masyarakat akan tergugat.

(2 markah)

41 Pernyataan di bawah menunjukkan amalan integriti dalam organisasi.

Mematuhi kod etika kerja	Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
Melaksanakan visi dan misi	Memperkuhkan dan menguatkuasakan semua peraturan dan undang-undang dalam organisasi.
Meng elakkan penyelewengan kerja	Mengiktiraf pencapaian serta memberikan penghargaan kepada warga kerja yang berintegriti.

(a) Nyatakan dua contoh mematuhi kod etika kerja.

(i) pemakaian tanda nama.

(ii) menepati masa.

(iii) akur kepada arahan pihak atasan.

(iv) tidak menyalahgunakan kemudahan di tempat kerja. [2 markah]

(b) Jelaskan tiga kepentingan mengamalkan integriti tersebut.

(i) menunjukkan tingkah laku yang beretika dalam organisasi.

(ii) Membentuk budaya kerja berintegriti.

(iii) Meningkatkan kecakapan perkhidmatan organisasi.

(iv) mengekalkan imej, kredibiliti dan reputasi organisasi.

(v) memperoleh keyakinan orang ramai. [3 markah]

Anda telah dilantik sebagai Ahli Koperasi Sekolah.

Cara

(c) Bagaimanakah anda mempamerkan amalan integriti individu semasa menjalankan tanggungjawab tersebut?

Saya mematuhi jadual bertugas saya.

Saya tidak salah guna harta koperasi untuk kepentingan diri sendiri.

Saya tidak mencuri barangan di koperasi. [2 markah]

(d) Apakah perasaan anda apabila dapat mengamalkan integriti individu dalam situasi 3(c)? Jelaskan.

Gembira.

Saya dapat memelihara imej diri dan imej koperasi sekolah saya.

Saya dapat bantu meningkatkan keuntungan koperasi sekolah saya. [3 markah]



Cara

a) Bagaimanakah anda membuat aduan kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan jika anda berasa bahawa diri anda ditindas? (2m)

Membuat aduan secara bertulis dengan muat turun borang aduan di laman Suruhanjaya berkenaan.

Hubungi Bahagian Operasi (Aduan) melalui talian telefon
Hadir sendiri ke pejabat Suruhanjaya.

b) Senaraikan elemen yang terdapat dalam integriti. (2m)

i. Kepantasan iii. Adil
ii. Tanggungjawab iv. Disiplin

c) Nyatakan contoh amalan integriti di sekolah. (3m)

i. mematuhi peraturan sekolah.
ii. menyiapkan kerja yang dibenarkan oleh guru.
iii. mengikut arahan yang diberikan oleh pengetua dan guru.
iv. menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah.


d) "Integriti organisasi merupakan asas pembangunan negara." Huraikan. (3m)

Integriti organisasi mampu bentuk budaya kerja kualiti dalam kalangan rakyat Malaysia.

Hal ini akan meningkatkan produktiviti negara.

Dengan ini, imej negara akan meningkat dan seterusnya menyakinkan pelabur asing untuk masuk melabur dalam negara kita.

Terdapat beberapa aspek yang terlibat dalam usaha memupuk integriti demi pembangunan negara seperti berikut:-



a) Bagi setiap aspek berikut, berikan satu contoh integriti demi untuk pembangunan negara,

- i. Pentadbiran
 - merealisasikan dasar antirasuah.
 - menjaga kerahsiaan dan maklumat sulit negara.
 - mengelakkan menyalahgunaan kuasa, kedudukan atau jawatan.
- ii. Ekonomi
 - menjanakan pendapatan negara mengikut undang-undang
 - mengisytiharkan cukai pendapatan secara jujur.
 - tidak menyalahgunakan harta dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.
- iii. Sosial
 - melaksanakan tugas dengan telus dan amanah.
 - mematuhi etika organisasi.
 - tiada pengecuatan dalam penguatkuasaan undang-undang

(3 markah)

b) Senaraikan dua cara melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara.

- i. mematuhi peraturan dan undang-undang
- ii. mengelakkan perbuatan memberi dan menerima rasuah
- iii. menjelaskan bayaran cukai
- iv. membayar balik pinjaman
- v. menyotong kempen pembangunan negara.

(2 markah)

c) Nyatakan kepentingan integriti untuk pembangunan negara

- i. melahirkan budaya kerja yang efisien.
- ii. meyakinkan pelabur asing untuk meneruskan pelaburan.
- iii. meningkatkan imej negara.
- iv. mewujudkan sistem pentadbiran yang telus.
- v. memupuk integriti dalam setiap sektor pekerjaan.

(3 markah)

d) Ramalkan dua kesan apabila ada individu yang melakukan perbuatan yang tidak berintegriti terhadap pembangunan negara.

- i. kegiatan rasuah bertelusa
- ii. kadar jenayah dan gejala sosial meningkat
- iii. imej negara terjejas
- iv. berlaku pergolakan politik.
- v. pelabur asing hilang kepercayaan terhadap negara.

(2 markah)




Foto hiasan NSTP

JOHOR BAHRU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menyita enam kenderaan import tanpa cukai bernilai RM1.23 juta, hasil tiga serbuan berasingan di bandar raya Ini dan Kulai pada 25 Mei hingga 31 Mei lalu.

- a) Integriti sangat perlu dalam semua pasukan. Begitu juga dalam pasukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Berikan **tiga** elemen integriti yang perlu ada dalam pasukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam menjalankan tugas mereka.

- i. Adil.....
- ii. Kepantasan.....
- iii. Prihatin.....
- iv. Tanggungjawab (3 markah)

- b) Berikan cadangan untuk langkah-langkah bagi mempertingkatkan integriti dalam pasukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

- i. mematuhi kod etika kerja.....
- ii. mengelakkan penyelewengan kerja.....
- iii. melaksanakan program kesedaran memerangi rasuah.....
- iv. melaksanakan visi dan misi. (3 markah)

- c) Huraikan kesan sekiranya amalan integriti dalam pasukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) terjejas.

- i. Mutu kerja atau perkhidmatan Jabatan Kastam merosot...
Kesannya, aktiviti penyeludupan dalam negara akan berleluasa.
- ii. Mendatangkan kerugian kepada negara.....
Kesannya, aktiviti melarikan diri daripada.....
pembayaran cukai akan berleluasa. (4 markah)

Berikut adalah keratan akhbar mengenai hubungan antarabangsa Malaysia dengan organisasi antarabangsa.

PETALING JAYA: ASEAN perlu bekerjasama sebagai satu keluarga besar bagi memajukan lagi sektor pendidikan di rantau ini, seiring perkembangan teknologi dunia. Menteri Pendidikan berkata mengenai masa lampau dan perbezaan, negara anggota perlu melihat kepada persamaan yang ada dan memanfaatkan kelebihan masing-masing.

"Setiap negara mempunyai kekuatan dan keunikan tersendiri yang boleh kita gunakan untuk manfaat bersama. Saya percaya kita boleh mencipta imaginasi dan menanamkan semangat serantau sebagai satu keluarga bagi meningkatkan lagi sistem pendidikan kita," katanya.

Sumber: Berita Harian, 2019

- a) Terangkan manfaat yang akan diperolehi Malaysia sekiranya kerjasama pendidikan dilakukan dalam kalangan negara ASEAN.

Kualiti pendidikan Malaysia dapat dipertingkatkan...
Dengan ini, Malaysia dapat lahirkan modal insan
yang mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.

[2 markah]

- b) Huraikan empat cabaran dalam usaha Malaysia mengekalkan hubungan antarabangsa.

(i) Cabaran kepelbagaian budaya dan bahasa.

(ii) Cabaran kejatuhan nilai mata wang negara.

(iii) Cabaran perbezaan ideologi.

(iv) Cabaran perbezaan agama.

(v) Cabaran kedudukan geografi sesebuah negara.

[4 markah]

- c) Anda bersetuju bahawa Malaysia menghargai hubungan antarabangsa dalam pelbagai bidang. Justifikasi jawapan anda.

Malaysia dapat mencapai kemajuan ekonomi yang
memberangsangkan.

Hubungan antarabangsa meningkatkan pelaburan asing
langsung negara.

Negara dapat menikmati pemindahan teknologi.

Malaysia juga dapat bantuan kemasukan buruh asing
apabila negara hadapi masalah ketukangan
pekerja dalam sektor-sektor tertentu. [4 markah]



Malaysia berjaya mendapatkan bekalan vaksin Covid-19 dari Amerika Syarikat yang dibekalkan oleh Syarikat Pfizer. Ini menunjukkan kerjasama dan hubungan dua hala yang baik antara Malaysia dengan negara lain.

(a) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan tiga nilai universal yang anda pelajari.

- (i) Nilai kerjasama.
- (ii) Nilai baik hati.
- (iii) Nilai hormat.

[3 markah]

(b) Terangkan faedah mengekalkan hubungan baik antara Malaysia dengan negara lain berdasarkan aspek-aspek berikut.

(i) Ekonomi

Boleh meningkatkan pendapatan negara.

Hal ini direalisasikan melalui hubungan perdagangan Malaysia pada peringkat global.

[2 markah]

(ii) Keselamatan

Boleh menjamin keamanan negara.

Hal ini direalisasikan melalui komitmen Malaysia akur kepada undang-undang antarabangsa.

[2 markah]

(c) Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada prinsip menyelesaikan sebarang pertikaian antara negara secara aman. - perundingan

Anda bersetuju dengan prinsip yang diamalkan oleh Malaysia.
Berikan justifikasi anda.


Malaysia percaya semua pertikaian boleh diselesaikan secara diplomasi di meja perundingan.

Malaysia percaya negara-negara yang bertentangan dapat capai kata sepakat dan dapat kekalkan hubungan baik antara mereka.

[3 markah]

Pertikaian ini, sudah tentu boleh mengelakkan peperangan daripada tercetus antara negara.

Rajah di bawah menunjukkan bidang kerjasama yang dijalankan oleh masyarakat global.



(a) Berikan dua contoh negara yang menjalin kerjasama dengan Malaysia.

- (i) Negara China.....
 (ii) Negara Jepun.....

[2 markah]

(b) Justifikasikan kepentingan kerjasama pendidikan dalam kalangan masyarakat global?

- (i) Dapat berkongsi kepakaran guru.
 Contoh, pendidik Malaysia dapat berkolaborasi dengan pendidik global dalam usaha rekabentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
 (ii) Dapat meningkatkan mutu pendidikan negara.
 Melalui kerjasama ini, pendidik tempatan dapat kuasai PDP berasaskan ICT ke arah capai matlamat pendidikan Abad ke-21.

[4 markah]

(c) Sebagai seorang murid dan rakyat Malaysia, bagaimanakah cara anda menyokong kerjasama dalam kalangan masyarakat global ?

Saya akan bersedia untuk mengambil bahagian dalam program pertukaran pelajar.
 Saya akan gunakan peluang ini sepenuhnya untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran saya.
 Saya akan mempelajari bahasa asing agar dapat capai persefahaman dengan masyarakat global yang lain.
 Setelah tamat pengajian saya akan kembali ke tanah air untuk memajukan Malaysia seperti negara-negara maju yang lain.

[4 markah]




United Nations
Educational, Scientific and
Cultural Organization

Malaysian National Commission for UNESCO

Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Nyatakan **tiga** kepentingan Program Kerjasama dalam masyarakat global pada masa kini.
- (i) dapat meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia.
 - (ii) dapat mencapai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi.
 - (iii) dapat mengeratkan hubungan diplomatik antara negara. [3 markah]
- (b) Terangkan **tiga** cabaran yang mungkin dihadapi oleh Malaysia apabila menyertai Program Kerjasama dalam mengekalkan hubungan antarabangsa.
- (i) Cabaran perbezaan agama.
 - (ii) Cabaran perbezaan ideologi.
 - (iii) Cabaran kepelbagaian budaya dan bahasa. [3 markah]
 - (iv) Cabaran kedudukan geografi sesebuah negara.
 - (v) Cabaran kejatuhan nilai mata wang negara.
- (c) Nyatakan **dua** nilai universal yang diamalkan oleh Malaysia yang menyertai Program Kerjasama Malaysia-UNESCO.
- (i) Nilai kerjasama.
 - (ii) Nilai hormat.
 - (iii) Nilai rasional. [2 markah]
 - (iv) Nilai bertanggungjawab.
- (d) Berikan **dua** negara yang memiliki hubungan dua hala dengan Malaysia di Asia Tenggara.
- | | | |
|----------------|---------------|-----------------------|
| (i) Singapura | (iv) Vietnam | (vii) Thailand |
| (ii) Indonesia | (v) Cambodia | (viii) Brunei |
| (iii) Myanmar | (vi) Filipina | (ix) Laos. [2 markah] |



SEPANG: Program Pertukaran Pelajar adalah inisiatif terbaik ke arah memupuk persefahaman kebudayaan antara masyarakat berlainan bangsa dan agama daripada pelbagai negara. Program ini mendapat sambutan hangat daripada pelajar Malaysia.

Sumber: *BH ONLINE*

(a) Nyatakan **tiga** contoh kerjasama dari segi pendidikan dalam masyarakat global yang boleh dianggotai oleh Malaysia selain program di atas.

- (i) Program biasiswa di bawah pertubuhan antarabangsa.
- (ii) Pertandingan Inovasi Peringkat Antarabangsa
- (iii) Pertandingan Pidato Antarabangsa.

[3 markah]

(b) Berikan **dua** nilai universal yang diamalkan oleh pelajar yang menyertai Program YES di Amerika Syarikat.

- (i) Nilai patriotisme (iv) nilai rasional
- (ii) Nilai kerjasama (v) nilai bertanggungjawab
- (iii) Nilai kerajinan

[2 markah]

(c) Terangkan **tiga** cabaran bekerjasama dalam masyarakat global.

- (i) Cabaran budaya dan bahasa
- (ii) Cabaran ekonomi
- (iii) Cabaran geografi

[3 markah]

(d) Cadangkan **dua** usaha yang perlu dilakukan oleh Malaysia bagi meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang di peringkat global.

- (i) menjalin kan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain.
- (ii) menawarkan bantuan kemanusiaan kepada negara yang ditimpa bencana.

[2 markah]

50 Maklumat berikut berkaitan Program Pertukaran Guru Korea-Malaysia.



- (a) Andaikan anda adalah salah seorang guru yang terpilih untuk mengikuti program tersebut. Apakah perasaan anda menerima berita tersebut? Beri alasan anda.

Gembira. Alasan saya.....
Saya berpeluang mengenali budaya masyarakat Korea.
Saya dapat menambahkan pengalaman hidup saya.

[3 markah]

- (b) Nyatakan cara guru-guru yang terpilih dalam program tersebut dapat mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik.

- (i) Guru-guru boleh menceritakan tentang keunikan negara Malaysia.
- (ii) Mempromosikan semua destinasi pelancongan utama dalam Malaysia.
- (iii) Mempertenalkan Malaysia menenusi persembahan kebudayaan dan masak makanan popular Malaysia seperti Satay, Nasi Lemak dan sebagainya. [3 markah]

- (c) Sejauh manakah kerjasama ini dapat meningkatkan mutu pendidikan negara. Buktikan jawapan anda dengan terperinci.

Guru Malaysia berpeluang bekerjasama dengan golongan profesional dan pakar luar dalam bidang pendidikan. Guru Malaysia boleh mempelajari kaedah pengajaran terkini menggunakan ICT bagi kukuhkan aspirasi kerajaan dalam wujudkan pembelajaran abad ke-21. Guru Malaysia berpeluang akses kepada jaringan dan jalinan pendidikan global dan ini dapat galakkan penyelidikan dan inovasi dalam sistem pendidikan negara kita. [4 markah]

51 Gambar berikut menunjukkan Kempen Go Green.



- (a) Setujukah anda Kempen Go Green ini berjaya direalisasikan dengan kerjasama badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)? Berikan justifikasi anda.

Setuju. Justifikasi saya.....
Langkah ini dapat mengurangkan sisa buangan plastik.
Masyarakat akan pupuk disiplin dengan budaya
menggunakan beg kitar semula.

[3 markah]

- (b) Terangkan satu nilai universal yang patut diamalkan oleh badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menarik perhatian masyarakat melibatkan diri dalam kempen tersebut.

Nilai kerjasama: Badan kerajaan dan NGO boleh
mempromosi Kempen Go Green secara agresif
melalui media sosial.

[2 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan kempen ini dalam pembangunan komuniti?

Kempen ini dapat beri kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya penggunaan beg plastik. Ia sukar untuk dilupuskan.

Jika dibakar, ia mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Kritikal kerana plastik dihasilkan daripada petroleum. Tambahan pula, asap toksik boleh menyebabkan kanser.

[4 markah]

- (d) Namakan satu kempen yang berkaitan dengan alam sekitar yang anda ketahui.

Hari Bumi.

Earth Hour.

Kempen Kitar Semula.

Kempen Cintai Alam Sekitar.

Kempen Sayangi Sungai Kita.

[1 markah]

52 Rajah berikut berkaitan dengan perasaan masyarakat Malaysia.



(a) Berikan dua nilai universal yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia dalam mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

(i) Nilai patriotisme.....

(ii) Nilai berajinan.....

[2 markah]

(b) Apakah perasaan anda apabila dapat menaikkan nama negara? Sebagai seorang rakyat Malaysia, bagaimanakah anda dapat mengharumkan nama negara di persada dunia?

Gembira.....

Saya akan belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya memasuki universiti tersohor di peringkat antarabangsa.

Saya akan mempamerkan disiplin dan perlatuan baik ketika menuntut di luar negara.....

Saya akan melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan mencipta kejayaan yang membanggakan negara.

[4 markah]

Perbualan berikut adalah antara David dan Haikal mengenai Program Duta Kecil yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia.

- David : Haikal, apakah maksud duta kecil?
- Haikal : Duta kecil ialah individu yang dilantik sebagai wakil untuk mengunjungi negara asing bagi memperkenalkan Malaysia.
- David : Adakah duta kecil memainkan peranan yang penting di negara ini?
- Haikal : Ya. Hal ini kerana duta kecil perlu memperkenalkan Malaysia kepada rakyat luar negara dengan pelbagai cara. Contohnya seorang duta kecil mempromosikan warisan budaya Malaysia semasa dia berkunjung ke negara lain. Oleh itu, rakyat asing akan memahami tentang warisan budaya Malaysia yang sudah diamalkan secara turun-temurun

- (c) Andainya anda dilantik sebagai duta kecil dan dihantar ke luar negara untuk mempromosikan Malaysia. Apakah keistimewaan Malaysia yang boleh anda promosikan bagi menarik minat pelancong asing untuk berkunjung ke negara ini?

Saya akan memperkenankan tempat-tempat menarik yang boleh dilawati.

Malaysia memiliki keindahan hutan hujan tropika yang kaya dengan flora dan fauna.

Malaysia punyai pulau dan taman laut yang indah dan sesuai untuk aktiviti menyelam seperti Pulau Tioman.

Malaysia memiliki kawasan tanah tinggi yang [4 markah] indah pemandangannya seperti Tanah Tinggi Cameron, Genting dan Kundasang.

53

Gambar berikut menunjukkan tokoh sukan negara yang berjaya mengharumkan nama negara kita.



- (a) Apakah perasaan anda apabila melihat kejayaan atlet negara kita di persada dunia? Jelaskan sebab anda berperasaan sedemikian.

Gembira.

Atlet negara mampu capai kejayaan cemerlang
diperingkat antarabangsa.

Nama Malaysia terkenal di persada
antarabangsa.

[2 markah]

- (b) Berikan **dua** nilai universal yang berkaitan dengan gambar di atas.

(i) Nilai patriotisme

(ii) Nilai kerajinan

[2 markah]

- (c) Senaraikan **tiga** contoh kejayaan yang membanggakan Malaysia di persada dunia.

(i) melahirkan juara dunia dalam bidang sukan seperti Ratu Skuasy Nicol David.

(ii) memiliki seni bina yang unik seperti KLCC

(iii) memiliki sistem satelit komunikasi seperti MEASAT

[3 markah]

- (d) Nyatakan **tiga** kepentingan sukan kepada diri anda.


(i) Saya dapat miliki tubuh badan yang sihat.

(ii) saya dapat miliki kekuatan mental iaitu
berfikiran positif.

(iii) saya dapat jalin hubungan baik dengan
rakan sebaya saya yang berlainan bangsa.

[3 markah]

Gambar di bawah menunjukkan logo negara ASEAN.



Sumber: <http://www.google.com>

Pertubuhan negara ASEAN terdiri daripada 10 buah negara. ASEAN ditubuhkan untuk mengeratkan hubungan yang baik antara negara Asia Tenggara dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

(a) Selain pertubuhan ini, senaraikan dua lagi pertubuhan serantau yang disertai oleh Malaysia.

(i) PBB

(ii) OIC

(iii) KOMANWEL [2 markah]

(iv) NAM

(b) Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan dua peranan ASEAN.

(i) menggalakkan keamanan serantau

(ii) mempercepatkan pertumbuhan ekonomi serantau

(iii) mempercepatkan kerjasama dalam pelbagai bidang antara negara. [2 markah]

(c) Sekiranya anda berada di luar negara, berikan dua cara anda dapat meningkatkan imej negara kita.

(i) Saya akan pamerkan perlakuan yang sopan dan berdisiplin tinggi.

(ii) Saya tidak akan terlibat dengan jenayah sosial

(iii) saya akan berusaha untuk menempah kejayaan dalam urusan kerja saya diluar negara. [2 markah]

(d) Jelaskan tindakan yang wajar diambil oleh pemimpin negara dalam mengekalkan hubungan antarabangsa dengan negara-negara lain.

Pemimpin negara perlu jalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain.

Pemimpin negara harus elakkan campurtangan dalam hal-ehwal negara lain.

Pemimpin negara perlu memudahkan cara lawatan negara dan lawatan kerja rasmi antara pemimpin-pemimpin negara. [4 markah]

Pemimpin negara perlu sentiasa sedia hulurkan bantuan kemanusiaan apabila diperlukan oleh negara-negara yang ditimpa bencana.

Pemimpin negara perlu aktif menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang.

55

Gambar berikut menunjukkan pencapaian atlet negara kita dalam temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020.



Cara

- (a) Bagaimanakah sukan pada peringkat global dapat menyatukan masyarakat dunia?

Pemilihan negara yang berlainan sebagai penganjur.....

Perkara ini akan rapatkan hubungan diplomatik antara negara.
atau

Penyertaan atlet daripada pelbagai negara.

Ini akan wujudkan peluang untuk berinteraksi dan saling memahami antara atlet. [2 markah]

- (b) Nyatakan kerjasama lain dalam bidang sukan yang melibatkan masyarakat global.

(i) Pengambilan jurulatih luar negara.

(ii) Menjalani latihan di luar negara.

(iii) Pengambilan pemain import. [2 markah]

(iv) Mengadakan perlawanan persahabatan antara negara.

(c) Jelaskan kesan penglibatan negara dalam sukan pada peringkat global.

(i) Imej negara meningkat di persada dunia.
Contoh kejayaan Dato Lee Chong Wei dalam
arena badminton antarabangsa telah menjulang
nama negara.

(ii) Dapat mempromosikan Malaysia.
Contoh penganjuran kejohanan sukan antarabangsa
secara tahunan di Malaysia seperti Le Tour
de Langkawi telah berjaya menarik kemasukan
pelancong.

[4 markah]

d) Berikan dua nilai yang patut diamalkan oleh rakyat Malaysia untuk menaikkan semangat kesukanan.

(i) Nilai kerajinan.

(ii) Nilai patriotisme.

[2 markah]